

K A M U S

K P O I

POLITEKNIK UNGKU OMAR

2023



eISBN 978-967-2421-90-0

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Politeknik Ungku Omar.

Cetakan Pertama, 2023

Diterbitkan oleh:

POLITEKNIK UNGKU OMAR,
Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak.

Tel: 605-5457622 / 545 / 7656

Fax: 605-5471162

@2023 Politeknik Ungku Omar

KANDUNGAN

	Kata aluan	1
KPI 01	Kebolehpasaran Graduan	2
KPI 02	Keusahawanan	4
KPI 03	Pendaftaran Pelajar.....	6
KPI 04	Program Holistik Pelajar	8
KPI 05	Pengiktirafan Luar	10
KPI 06	Kelestarian Tadbir Urus	12
KPI 07	Hebahan Aktiviti	14
KPI 08	<i>Centre of Technology (COT)</i>	16
KPI 09	Perbelanjaan Mengurus (B64)	18
KPI 10	Pengurusan Pembayaran Bil	20
KPI 11	Pensyarah Teras Bidang	22
KPI 12	Kolaborasi Berimpak Tinggi	24
KPI 13	Kertas Kajian Yang Diterbitkan	27
KPI 14	Produk Inovasi	29
KPI 15	Program PSH	31
KPI-AP 1	Audit Dalaman	33
KPI-AP 2	Audit Perolehan & Kewangan	35
KPI-AP 3	Kemaskini Maklumat CV	37
KPI-AP 4	Program Alumni	38
KPI-AP 7	Pendapatan TSP	40
KPI-AP 9	Pelan Khidmat Masyarakat (CSR)	42
KPI-AP 11	Penglibatan MPP	44

KPI-ISO 1	Pelan Pengurusan Risiko	46
KPI-ISO 2	Bilangan Hari Staf Berkursus	48
KPI-ISO 5	Tahap Kepuasan Majikan	50
KPI-PS 3	<i>Graduate on Time (GOT)</i>	52
KPI-PS 7	Kejayaan Pelajar	54
KPI-PS 14	<i>Staff Satisfaction</i>	57
KPI-PS 23	Industri WBL	59
KPI-PS 32	Program Alumni	60

KATA ALUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah S.W.T atas perkenan dan izin-Nya maka terhasil Kamus KPI PUO 2023. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penghasilan Kamus KPI ini.



Sebagai sebuah Politeknik Premier, PUO merupakan salah satu institusi utama yang menjadi penggerak dalam memantapkan TVET negara, ke arah merealisasikan visi dan misi yang disasarkan. Penghasilan kamus ini amat penting dalam menjadi rujukan penunjuk prestasi buat warga kerja PUO dalam mencapai kecemerlangan. Kamus ini dilihat amat diperlukan bagi memperincikan lagi sasaran PUO selaras dengan pelaksanaan sasaran kerja utama (SKU) mulai tahun 2022 yang lepas bagi warga KPT. Melalui penghasilan Kamus KPI ini, PUO telah menzahirkan komitmen padu dan tidak berbelah bahagi dalam usaha merealisasikan penghasilan modal insan TVET.

Antara kepentingan penetapan KPI bagi setiap organisasi ialah bagi memperjelaskan hala tuju organisasi tersebut ke seluruh lapisan warga PUO. Jesteru dengan penggunaan KPI, PUO dapat memberi tumpuan kepada bidang-bidang utama dengan melibatkan pihak yang berkepentingan demi mencapai kecemerlangan yang disasarkan.

Besar harapan saya agar Kamus KPI PUO 2023 ini dapat direalisasikan dan memberi impak yang baik kepada seluruh warga PUO seterusnya kepada institusi dan negara.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan SYABAS dan TAHNIAH kepada sidang redaksi yang telah menghasilkan Kamus KPI yang amat berguna ini. Diharapkan ianya menjadi pemangkin kepada pemantapan perjalanan institusi yang lebih baik demi melakar kejayaan yang lebih cemerlang sebagai sebuah institusi penyedia latihan TVET yang terbaik dan bertaraf global pada masa akan datang.

Dr. Shamsuri bin Abdullah
Pengarah
Politeknik Ungku Omar
Politeknik Premier.

KPI 01

Peratus Kebolehpasaran Graduan Politeknik Dan Kolej Komuniti.

TAFSIRAN

Kebolehpasaran merujuk kepada graduan yang berstatus:

- Bekerja termasuk sebagai usahawan; atau
- Sedang melanjutkan pengajian; atau
- Sedang mengikuti latihan peningkatan kemahiran; atau
- Sedang menunggu penempatan pekerjaan semasa Kajian Pengesanan Graduan dijalankan pada tahun semasa melalui SKPG TVET.

Kajian SKPG TVET dijalankan pada pelajar yang telah tamat pengajian dan mendapat pengesahan Mesyuarat Lembaga Peperiksaan Politeknik dan Kolej Komuniti. Pelajar/lulusan tersebut telah melepasi tempoh sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** setelah tamat pengajian.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus kebolehpasaran graduan:

$$\frac{\text{Bilangan responden yang bekerja + melanjutkan pengajian + meningkatkan kemahiran + menunggu penempatan pekerjaan semasa tempoh kajian}}{\text{Jumlah keseluruhan responden dalam Kajian Pengesanan Graduan}} \times 100$$

Pengukuran menghitung peratus padanan pekerjaan graduan:

$$\frac{\text{Bilangan responden yang bekerja dalam bidang}}{\text{Jumlah keseluruhan responden dalam Kajian Pengesanan Graduan}} \times 100$$

Kadar responden yang perlu dicapai oleh setiap institusi bagi peratus **Kebolehpasaran Graduan** adalah sebanyak **85%**.

Peratus **Padanan Pekerjaan Graduan** yang perlu dicapai oleh setiap institusi adalah sebanyak **50%**.

Cut off date adalah pada **15 Disember 2023** dengan mengambil kira peratus **SKPG TVET** sahaja.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Kajian Pengesanan Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Pusat Korporat, Hubungan Industri dan Kebolehpasaran (CISEC)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	94%
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 1 ii. APACC 10 (C7) iii. MS ISO 4 iv. Pelan Strategik 1 & 2
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Sasaran KPI merujuk kepada trend pencapaian kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti serta Pelan Tindakan bagi PPPM 2021-2025 (PT) dan turut berdasarkan kepada Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan IPT (2021-2026).

TREN PENCAPAIAN



KPI 02

Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri.

TAFSIRAN

Usahawan Graduan merujuk kepada Graduan warganegara Malaysia (tidak termasuk graduan pascasiswazah) yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan **dalam tempoh 12 bulan** selepas menamatkan pengajian (termasuk perniagaan secara dalam talian/luar talian). Graduan yang terlibat di dalam GiG ekonomi akan diambil kira sekiranya graduan menggunakan kemahiran mereka untuk menjana pendapatan

Nota: Sumber data ialah daripada Unit Keusahawanan atau Unit Alumni atau *Tracer Study* yang dijalankan oleh KPT.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus graduan menceburi bidang keusahawanan:

$$\frac{\text{Jumlah graduan yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan dalam tempoh 12 bulan selepas tamat pengajian}}{\text{Jumlah keseluruhan graduan dalam tempoh 12 bulan selepas tamat pengajian}} \times 100$$

Graduan adalah merujuk kepada graduan warganegara Malaysia sahaja.

DOKUMEN BUKTI

- Lampiran E2: Laporan Pencapaian Keseluruhan KPI Keusahawanan IPT bagi tahun 2023.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Keusahawanan
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	8%
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 2 ii. Pelan Strategik 5
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

- Dasar Keusahawanan Negara 2030
- PPPM 2015-2025 (PT) - Lonjakan 1 (Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang)
- Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025
- PSPKK 2018-2025 - Teras 1 (Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti)

TREN PENCAPAIAN



KPI 03

Peratus pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma.

TAFSIRAN

Pengambilan pelajar lepasan SPM/setaraf merujuk kepada bilangan pelajar yang **mendaftar masuk** ke program pengajian di PUO pada sesi **ambilan perdana**.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus pelajar mendaftar:

$$\frac{\text{Bilangan pelajar lepasan SPM atau setaraf yang mendaftar di politeknik}}{\text{Norma unjuran sesi perdana politeknik}} \times 100$$

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Kemasukan Pelajar di Politeknik dan Kolej Komuniti.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	85%
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 3 ii. Pelan Strategik 26
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Rancangan Malaysia Kedua Belas: Pengambilan pelajar lepasan SPM yang mendaftar di politeknik dan kolej komuniti untuk menyambung pengajian adalah 80% dari norma ambilan perdana. Ia juga berdasarkan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) – Bab 10: Membangun Bakat Masa Hadapan. Strategi B4 iaitu Memastikan Outcome Kesaksamaan Pembelajaran.

TREN PENCAPAIAN



KPI 04

Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik.

TAFSIRAN

Program pembangunan pelajar berciri holistik yang wajib dilaksanakan seperti berikut:

- i. Aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar merujuk kepada kategori berikut:
 - a. Sukarelawan
 - b. Kepimpinan
 - c. Komunikasi (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris)
 - d. Kebudayaan, kesenian dan warisan
 - e. Kerohanian
 - f. Psikologi
 - g. Sukan
 - h. Kesihatan
 - i. Kemahiran dan inovasi
 - j. Kelab dan persatuan
 - k. Perpaduan
- ii. Sekurang-kurangnya satu program menggunakan kepakaran bidang (*niche area*) teknologi TVET institusi.
- iii. Pelaksanaan program di peringkat institusi/jabatan/negeri/zon/kebangsaan/antarabangsa.
- iv. Pelaksanaan program pembangunan pelajar berimpak yang dilaksanakan setiap jabatan.

KAEDAH PENGUKURAN

Bilangan program pembangunan pelajar yang dilaksanakan merujuk kepada kategori yang telah dinyatakan.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Pelaksanaan Program.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	7
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 4 ii. APACC 12 (C7) iii. Pelan Strategik 6
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) peringkat Aktiviti (*Activity Performance Management Framework - APMF*).

TREN PENCAPAIAN



KPI 05

Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

TAFSIRAN

Pengiktirafan bermaksud penerimaan kelayakan/pensijilan/anugerah oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan tertentu atau penerimaan sesuatu penghargaan bagi **mengiktiraf pencapaian** yang dibuat oleh **PUO**.

Badan/agensi yang diiktiraf merujuk kepada mana-mana badan yang mengawal, menyelia dan mengesahkan standard/kriteria penilaian yang ditetapkan dan akan menjalankan tugas penilaian terhadap pematuhan institusi kepada *standard* berkenaan. Contohnya seperti ISO-SIRIM, EKSA-MAMPU, APACC, CDIO, IMO, CILT, Adobe International, *City And Guilds*, JPK (Pusat Bertauliah), Pusat Latihan HRDF dan lain-lain.

Pengiktirafan/pensijilan/anugerah adalah **tidak termasuk** pengiktirafan akreditasi wajib program pengajian daripada **Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**, **Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)** dan **Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)**.

KAEDAH PENGUKURAN

- Sasaran dikira secara kumulatif.
- Pengukuran melibatkan jabatan/unit yang mendapat pengiktirafan/pensijilan/anugerah pada tahun dinilai.

- Pengukuran melibatkan tempoh pengiktirafan yang masih sah pada tahun dinilai.
- Pengukuran menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh badan/agensi yang memberi pengiktirafan.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Pencapaian Pengiktirafan.
- Salinan sijil.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Pusat Jaminan Kualiti & Pengurusan Risiko (CQARM)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	3
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 5 ii. Pelan Strategik 29
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

- i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB) peringkat Kementerian (*Ministry Executive Summary* - MES) dan peringkat Aktiviti (*Activity Performance Management Framework* - APMF).
- ii. Sasaran KPI mengambil kira kesediaan pengoperasian institusi berkenaan, jumlah staf dan pelajar, kemantapan dalam aspek jaminan kualiti serta faktor kos.

TREN PENCAPAIAN



KPI 06

Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi.

TAFSIRAN

Melestarikan tadbir urus membawa maksud memantapkan tadbir urus secara holistik selaras dengan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK). Kejayaan dan kecemerlangan KPI ini merangkumi **enam (6)** elemen iaitu:

- i. **Tadbir urus** – sistem mentadbir, mengurus, mengawal selia dan sebagainya melibatkan dasar, fungsi atau perjalanan jabatan/institusi;
- ii. Pengurusan sumber manusia – pengurusan sesama individu;
- iii. **Pengurusan pelajar** – kaedah atau sistem penambahbaikan terhadap pengurusan pelajar;
- iv. **Kewangan dan perolehan** – pengurusan kewangan yang sistematik bagi memudahkan proses pengawalan dan pemantauan;
- v. **Sistem maklumat** – komponen yang berhubung antara satu sama lain untuk penerimaan, pemprosesan, penyebaran dan simpanan data bagi menyokong kawalan serta keputusan; atau
- vi. **Inovasi** – perkara baharu yang diperkenalkan kepada sistem.

Program yang dilaksanakan haruslah merangkumi keseimbangan rohani, jasmani serta pemeliharaan kepada alam sekitar. Dengan KPI ini penambahbaikan mutu perkhidmatan jabatan/institusi seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti

jabatan/institusi. Dalam memastikan kelestarian tadbir urus, antara inisiatif yang dapat dilaksanakan adalah seperti *Cashless Campus*, persekitaran berkualiti, Pengurusan Lean, penjimatan dan lain-lain inisiatif yang memberi tambah nilai serta meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan.

Hasil keberkesanan program ini adalah untuk memastikan pemantapan tadbir urus jabatan/institusi selaras dengan perkhidmatan pendidikan TVET yang berkualiti.

KAEDAH PENGUKURAN

Bilangan program yang dilaksanakan di jabatan/institusi ke arah melestarikan tadbir urus.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Pelaksanaan Program Kelestarian Tadbir Urus.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Pusat Jaminan Kualiti & Pengurusan Risiko (CQARM)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	3
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 6 ii. Pelan Strategik 13
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

Program yang dilaksanakan bagi peningkatan kelestarian tadbir urus jabatan/unit.

TREN PENCAPAIAN



KPI 07

Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan institusi pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI menasaskan bilangan program/aktiviti/majlis yang dilaksanakan di peringkat jabatan/institusi.

Terdapat empat (4) elemen bagi promosi dan publisiti di jabatan/institusi yang terdiri daripada:

- i. **Temubual/hebahan/penulisan artikel** di media konvensional (televisyen, radio dan surat khabar); atau;
- ii. **Program jelajah** pendidikan/pameran promosi institusi/program rakaman atau secara langsung menerusi platform media sosial; atau
- iii. **Penerbitan** (infografik, poster, video, e-buletin/bulletin, siaran media, coffee table book, cerita kejayaan/*success story* (pelajar/pensyarah)); atau
- iv. **Program khas**/lawatan/kunjungan hormat.

Setiap program/aktiviti yang dilaksanakan perlu dihebahkan melalui media sosial rasmi institusi/jabatan/unit.

KAEDAH PENGUKURAN

Kaedah pengukuran berdasarkan hebahan, promosi dan publisiti bilangan program/aktiviti yang **memberikan impak kepada institusi**.

Sekiranya **program/aktiviti berulang**, kaedah pengukuran bilangan akan dikira **satu (1) sahaja**. Contoh:

- Kira detik (*countdown*) Hari Merdeka/Hari Konvokesyen/berkaitan yang dimuat naik lebih dari sekali dikira sebagai satu (1) hebahan sahaja.
- Program Pilihan Raya Kampus atau berkaitan yang telah dimuat naik hebahan lebih dari sekali, dikira sebagai satu (1) program sahaja.

Program dalaman institusi seperti perhimpunan bulanan/ucap tahniah atau selamat hari lahir pada warga kerja/mesyuarat dalaman/bengkel latihan dalaman yang tidak melibatkan kerjasama strategik pihak luar **tidak akan dikira sebagai hebahan**.

Hebahan/promosi/publisiti daripada **KPT, JPPKK** atau mana-mana platform media massa/sosial yang dimuat naik/dikongsi semula oleh institusi **tidak akan diambil kira**.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Bulanan Hebahan Program/Aktiviti.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Pegawai Perhubungan Awam
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	125
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 7 ii. Pelan Strategik 11
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC.

TREN PENCAPAIAN



KPI 08

Skor Prestasi Pencapaian *Industry Education Centre* (IEC) JPPKK.

TAFSIRAN

KPI ini merangkumi *Centre of Technology* (COT) Politeknik dan *Industry on Campus* (IOC) JPPKK yang telah diiktiraf mendapat sekurang-kurangnya prestasi pencapaian 80%.

Penilaian COT dilaksanakan secara penilaian sendiri oleh setiap COT terhadap **tujuh (7) elemen utama COT** iaitu Kolaborasi, Penyelidikan dan Inovasi, Perkhidmatan Kepakaran, Penerbitan, Pengiktirafan, Pengajaran dan Pembelajaran dan Penjana Pendapatan mengikut kaedah pengukuran yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Pelaksanaan *Centre of Technology* Edisi 2020. Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK akan menentusahkan hasil penilaian ini berdasarkan kepada keperluan.

KAEDAH PENGUKURAN

Elemen penilaian dan pemberatan markah:

Bil.	Elemen	Markah maksimum
1.	Kolaborasi	20
2.	Penyelidikan dan Inovasi	40
3.	Perkhidmatan Kepakaran	
4.	Penerbitan	20
5.	Pengiktirafan	
6.	Pengajaran dan Pembelajaran	20
7.	Penjana Pendapatan	

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Pelaksanaan Aktiviti *Centre of Technology* (COT) Politeknik.

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Pegawai Pembangunan Teknologi (COT)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	80%
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 8 ii. Pelan Strategik 12, 25 & 35
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (Teras Strategik 3: Modal Insan).
- Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) - Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan, Petunjuk Prestasi (KPI).

- iii. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) – Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti; Inisiatif 1: Meletakkan IPT mengikut Pelbagai Bentuk Kecemerlangan Institusi.
- iv. Industry 4WRD (*National Policy on Industry 4.0*).

TREN PENCAPAIAN



KPI 09

Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64).

TAFSIRAN

KPI menasaskan pengumpulan data perbelanjaan mengurus mengikut bulanan bagi mengukur prestasi perbelanjaan secara keseluruhan pada tahun semasa. Julat peratusan minimum bagi setiap bulan adalah 8.33% dan mencapai minimum 50% pada pertengahan tahun.

KAEDAH PENGUKURAN

Pemantauan dalam aspek pengumpulan data dibuat akhir tahun selepas penutupan akaun. Data diperolehi dengan merujuk kepada laporan prestasi perbelanjaan yang diambil daripada **Laporan Vot Dana iGFMAS**.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Vot Dana B64 akhir tahun selepas penutupan akaun yang diambil daripada Sistem iGFMAS.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Perolehan & Kewangan (UPK)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	99%
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 9
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

Sasaran KPI adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (PB 1.2). Semua inisiatif belanjawan yang diumumkan oleh kerajaan perlu dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

TREN PENCAPAIAN



KPI 10

Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima.

TAFSIRAN

Pembayaran bil dan tuntutan perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada dokumen lengkap diterima pada tahun semasa. Pengiraan bil tujuh (7) hari adalah seperti berikut:

- Sistem ePerolehan:
Daripada tarikh invois dikunci masuk oleh pembekal sehingga bayaran diterima oleh pembekal. (status 80)
- Sistem iGFMAS:
Daripada tarikh terima di Unit Kewangan bagi dokumen lengkap dan sempurna sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80).

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus prestasi pengurusan pembayaran bil:

$$\frac{\text{Bilangan bil yang tidak melebihi 7 hari}}{\text{Jumlah keseluruhan bil}} \times 100$$

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui sistem iGFMAS secara sukuan yang perlu dicetak oleh institusi dan dimuat naik ke dalam Sistem PERSIST adalah seperti berikut:

- Sukuan 1: 1 Jan – 23 Mac
- Sukuan 2: 1 Jan – 22 Jun

- Sukuan 3: 1 Jan – 21 Sept
- Sukuan 4: 1 Jan – 14 Dis

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui Sistem iGFMAS.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Perolehan & Kewangan (UPK)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	95%
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 10
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

Semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar dengan segera tidak melebihi tujuh (7) hari dari tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna bagi mengelakkan isu pembayaran bil melebihi 14 hari yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 103(a) (AP103(a)).

TREN PENCAPAIAN



KPI 11

Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.

TAFSIRAN

Kemahiran industri diukur berdasarkan perkara berikut:

- Pensyarah teras bidang yang pernah melengkapkan **sangkutan industri** sekurang-kurangnya sebulan; atau
- Pensyarah teras bidang yang mempunyai kelayakan **profesional/sijil profesional**.

Catatan:

- Pensyarah teras bidang:
 - Di politeknik – adalah pensyarah yang ditempatkan mengikut pengisian waran di Jabatan Akademik Induk (selain Jabatan Matematik, Sains dan Komputer serta Jabatan Pengajian Am) untuk mengajar kursus-kursus teras dalam satu-satu program pengajian.
- Kelayakan profesional/sijil profesional yang diambil kira adalah yang masih sah tempoh sehingga 31 Disember pada tahun semasa.
- Kelayakan profesional adalah gelaran profesional yang diiktiraf oleh badan profesional.
- Sijil Profesional adalah bermaksud sijil kelayakan yang mendapat pengiktirafan daripada badan profesional/agensi/persatuan/industri yang dibenarkan membuktikan bahawa pegawai mempunyai pengetahuan, pengalaman dan

kemahiran untuk melaksanakan tugas khusus dan tugas-tugas di mana mereka telah dilatih.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus pensyarah teras bidang:

$$\frac{\text{Jumlah pensyarah kursus teras bidang pada tahun semasa}}{\text{Reten pengisian perjawatan pensyarah teras bidang tetapan awal tahun dan kajian separuh tahun}} \times 100$$

DOKUMEN BUKTI

- Rumusan Pencapaian KPI Pemerkasaan Bakat Mengikut Institusi.
- Pensyarah teras bidang melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya sebulan: **Sijil SIP / Surat Tamat LSI**.
- Pensyarah mempunyai kelayakan profesional/sijil profesional: **Sijil pengiktirafan yang masih sah tempoh pada 31 Disember tahun semasa**.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	40%
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 11 ii. Pelan Strategik 19
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

- Tenaga pengajar TVET yang berpengetahuan serta memiliki kemahiran industri merupakan keperluan badan-badan akreditasi.
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB) peringkat Aktiviti (*Activity Performance Management Framework* - APMF).

TREN PENCAPAIAN



KPI 12

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi.

TAFSIRAN

Industri bermaksud organisasi luar selain politeknik/kolej komuniti seperti sektor awam, sektor swasta, NGO, badan profesional termasuk industri/agensi dari luar negara.

Industri yang berkolaborasi digalakkan mempunyai dokumen kolaborasi bersama institusi.

Aktiviti kolaborasi industri berimpak tinggi merujuk kepada aktiviti kolaborasi yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti dalam tahun semasa, seperti yang berikut:

- i. Program perkongsian ilmu oleh CEO@PolyCC yang dilantik oleh Menteri Pengajian Tinggi; atau
- ii. Pelaksanaan program *Work Based Learning* (WBL); atau
- iii. Inisiatif bersama industri yang berkebolehan menjana pendapatan, seperti COT/Inkubator; atau,
- iv. Penajaan latihan tambahan/pensijilan industri/pensijilan profesional kepada pelajar atau
- v. pensyarah, iaitu pelaksanaan latihan yang menghasilkan pensijilan industri/pensijilan profesional, di mana kos latihan ditanggung oleh industri sepenuhnya atau separuh kos ditanggung institusi; atau
- vi. Sumbangan atau perkongsian peralatan, iaitu sumbangan peralatan PdP/sumbangan peralatan

memudahkan PdP/sumbangan peralatan umum/biasiswa/hadiah kecemerlangan pelajar/bantuan kewangan *one-off* pelajar atau pensyarah/perkongsian peralatan PdP/perkongsian peralatan memudahkan PdP/perkongsian peralatan umum/perkongsian tempat program; atau

- vii. Latihan Industri Berstruktur, iaitu Latihan Industri (LI) pelajar yang dilaksanakan atas persetujuan bersama industri dan institusi bagi:
 - a. Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan bersama penawaran pekerjaan sebaik tamat LI; atau,
 - b. Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) sahaja kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan; atau
 - c. Penawaran pekerjaan sahaja sebaik tamat LI; atau
- viii. Penempatan pekerjaan bakal graduan politeknik/kolej komuniti dengan gaji permulaan mengikut kelayakan sekurang-kurangnya berdasarkan Panduan Gaji Permulaan 200 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Kedua (2020):
 - a. Ijazah: RM2,460.00
 - b. Diploma: RM2,020.00
 - c. Sijil: RM1,700.00; atau
- ix. Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) bersama industri merujuk kepada kerjasama industri dan institusi yang

melibatkan R&D&C&I dalam penghasilan produk/perkhidmatan yang berpotensi untuk dikomersialkan; atau

- x. Penganjuran *Focus Group Dialogue* di peringkat kebangsaan dengan kerjasama industri; atau
- xi. Pensyarah mengikuti Program Sangkutan di Industri; atau
- xii. Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) baharu, iaitu, pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik/Kolej Komuniti yang dilantik pada tahun semasa sama ada sebagai lantikan baharu/penyambungan keahlian dan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) atau menganjurkan satu mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri yang dipengerusikan oleh Pengerusi JPI (Industri) yang telah dilantik.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran adalah berdasarkan pengiraan bilangan industri.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Pelaksanaan Aktiviti Kolaborasi Impak Tinggi (bagi Aktiviti i – xi).
- Laporan Maklumat JPI, sijil pelantikan JPI oleh Ketua Pengarah JPPKK atau minit mesyuarat (bagi Aktiviti xii).


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Pusat Korporat, Hubungan Industri dan Kebolehpasaran (CISEC)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	6
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 12 ii. APACC 5 & 6 (C5) iii. Pelan Strategik 30 & 31
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

- i. Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) - Fokus Kedua: Memperkukuh Pemangkin Pertumbuhan.
- ii. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) - Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti.

TREN PENCAPAIAN



KPI 13

Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa.

TAFSIRAN

Kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu merangkumi elemen seperti pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi, analisis, keputusan dan perbincangan serta kesimpulan. Kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu berwasit yang bermaksud setiap kertas penyelidikan yang diterbitkan telah melalui proses perwasitan (*review*) oleh pakar yang dilantik oleh penerbit. Antara hasil penyelidikan adalah merangkumi kluster Kejuruteraan, Teknologi, Perkhidmatan, Digital, Sains Sosial, dan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang diterbitkan pada tahun semasa.

KAEDAH PENGUKURAN

Bilangan kertas penyelidikan penuh yang disediakan oleh PPPT politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa yang diterbitkan sama ada di dalam *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding di peringkat zon/kebangsaan/antarabangsa.

DOKUMEN BUKTI

Dokumen bukti bagi satu (1) kertas penyelidikan penuh mestilah mengandungi perkara seperti berikut:

- i. Kertas penyelidikan penuh yang diterbitkan pada tahun semasa;
- ii. Muka depan *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding;
- iii. Maklumat kertas penyelidikan; dan
 - a. Isi kandungan tajuk penyelidikan; dan
 - b. No. DOI./No. ISBN/e-ISBN/ISSN/URL bagi terbitan secara dalam talian).

*Sila muat naik dokumen bukti secara pakej (a+b+c).

Catatan:

- i. Sekiranya berlaku perpindahan pensyarah dari satu institusi ke institusi yang lain. Kertas penyelidikan yang dimuat naik akan dikira di bawah institusi yang asal sebelum perpindahan.
- ii. Penyelaras tidak perlu memuat naik satu buku sama ada *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding untuk tujuan dokumen bukti. Penyelaras perlu memuat naik kertas penyelidikan milik pensyarah institusi masing-masing sahaja.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Penyelidikan Inovasi dan Pengkomersilan (UPIKK)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	50
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 13 ii. Pelan Strategik 34
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi.

TREN PENCAPAIAN



KPI 14

Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa.

TAFSIRAN

Bilangan produk inovasi/perkhidmatan yang berjaya diaplikasikan (*solution provider*) dalam kalangan institusi atau di institusi luar pada tahun semasa.

- i. **Dalam kalangan institusi:** merujuk kepada produk/perkhidmatan tersebut diaplikasikan di politeknik atau kolej komuniti lain. Contoh: Produk/perkhidmatan dihasilkan di Politeknik/Kolej Komuniti A, perlu diaplikasikan di Politeknik/Kolej Komuniti B.
- ii. **Institusi luar:** merujuk kepada produk/perkhidmatan tersebut diaplikasikan di industri/agensi/jabatan/komuniti selain daripada politeknik dan kolej komuniti.

KAEDAH PENGUKURAN

- Bilangan produk/perkhidmatan yang dihasilkan itu boleh diaplikasikan (*solution provider*) dan telah didaftarkan Perlindungan Harta Intelek oleh KPT/institusi/agensi/jabatan/komuniti pada tahun semasa.
- Produk/perkhidmatan yang telah diaplikasikan dan didaftarkan perlindungan harta intelek pada tahun sebelumnya tidak boleh digunakan untuk tahun berikutnya.

DOKUMEN BUKTI

- Surat Pengesahan diaplikasi dari KPT/institusi/agensi/jabatan/komuniti berkaitan produk inovasi yang diaplikasi/*solution provider* pada tahun semasa.
- Notis pemberitahuan hak cipta/copyright notification notice atau sijil pemfailan atau surat perlindungan harta intelek (paten/pembaharuan utiliti/hak cipta/cap dagang/rekabentuk perindustrian/petunjuk geogra) atau carian dan pemfailan dalam talian MyIPO/MYIPO *online search and -filling* pada tahun semasa.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Penyelidikan Inovasi dan Pengkomersilan (UPIK)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	3
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 14 ii. Pelan Strategik 33
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

Pembangunan ekosistem inovasi boleh memacu pertumbuhan ekonomi negara selari dengan tuntutan perubahan teknologi. Politeknik dan kolej komuniti perlu meningkatkan momentum untuk membangunkan produk inovasi yang boleh diaplikasikan kepada industri/agensi/jabatan/komuniti.

TREN PENCAPAIAN



KPI 15

Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa.

TAFSIRAN

Bilangan penyertaan program PSH di politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa merujuk kepada kategori program PSH iaitu Formal, Bukan Formal dan Tidak Formal.

Kategori peserta PSH adalah:

KATEGORI	KETERANGAN
Industri	* Penyertaan dari industri, agensi awam, agensi swasta, NGO, badan profesional dan industri/agensi luar negara.
	* Agensi awam atau kementerian selain dari Kementerian Pengajian Tinggi yang menggunakan peruntukan kerajaan boleh dikira sebagai penyertaan PSH.
Komuniti	* Masyarakat / orang awam.
Pelajar	* Pelajar sekolah dan IPTA/IPTS.
	* Penyertaan pelajar politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH atau menyertai kursus PSH tanpa bayaran. Jika latihan pelajar politeknik melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/KPT tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.
Pensyarah / Staf	* Penyertaan dari pensyarah/staf politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH atau menyertai kursus PSH tanpa bayaran. Jika latihan pensyarah/staf melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/KPT tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.

KAEDAH PENGUKURAN

Bilangan penyertaan PSH politeknik adalah 25,000 dengan mengambil kira program berikut:

- i. Program PSH bercirikan **Revolusi Industri 4.0 (4IR)**.
 - a. Penyertaan dalam program PSH bercirikan Revolusi Industri. Teras 4IR:
 - *Internet of things (IoT)*
 - *Simulation* - kecerdikan buatan (AI)
 - *Big data*
 - *Autonomous robots*
 - *Cybersecurity*
 - *Cloud computing*
 - *Additive manufacturing*
 - *Augmented reality*
 - *System (horizontal and vertical) integration*
 - b. **Sasaran:** 10% penyertaan daripada jumlah sasaran penyertaan
 - PSH (2,500 penyertaan)
 - c. **Kaedah pengukuran** adalah berdasarkan kriteria berikut:
 - Politeknik Premier/APACC: 85 penyertaan
- ii. Program PSH yang dilaksanakan secara dalam talian (*online*).
 - a. Penyertaan dalam program PSH yang dilaksanakan secara dalam talian (*online*).
 - b. **Sasaran:** 10% penyertaan daripada jumlah sasaran penyertaan PSH (2,500 penyertaan).

- c. Kaedah pengukuran adalah berdasarkan kriteria berikut:

- Politeknik Premier/APACC: 85 penyertaan.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Pelaksanaan PSH Politeknik yang dijana daripada sistem ePSH oleh Unit Pelaksanaan PSH Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	1000
Sasaran Berkaitan	i. JPPKK 7 ii. Pelan Strategik 28
Frekuensi Laporan / Data	Empat kali setahun (Mac, Jun, Sept & Dis)

JUSTIFIKASI

Melahirkan komuniti berkemahiran.

TREN PENCAPAIAN



KPI-AP 1

Peratus pelaksanaan audit dalaman sekurang-kurangnya 2 kali pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI ini menilai pencapaian Objektif Kualiti yang disemak secara berkala melalui pelaksanaan audit dalaman seperti:

- Audit Dalaman MS ISO 9001:2015
- Audit Pematuhan MS ISO 9001:2015
- Audit Pemeriksa Luar bagi program pengajian.

KAEDAH PENGUKURAN

Bilangan audit dalaman yang dilaksanakan pada tahun semasa.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan audit yang dilaksanakan pada tahun semasa.

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Ketua Pusat Jaminan Kualiti & Pengurusan Risiko (CQARM)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	2 kali setahun
Sasaran Berkaitan	i. APACC 1 (C1) ii. MS ISO 3
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 1: Memastikan Graduan Tvet Berkualiti

- Objektif Strategik 1: Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi.
- Inisiatif A1: Melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan yang Berimpak Tinggi.

TREN PENCAPAIAN



KPI-AP 2

Peratus pelaksanaan / tindakan penyelarasan audit perolehan dan kewangan serta pengurusan rekod berkenaan sekurang-kurangnya 2 kali pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI menyasarkan melaksanakan Audit Kewangan dan Inventori sekurang-kurangnya 2 kali setahun terhadap dokumen-dokumen kewangan di peringkat jabatan/institusi.

Audit dilaksanakan secara dalaman atau secara luaran oleh pihak luar.

KAEDAH PENGUKURAN

Kaedah pengukuran berdasarkan dokumen kewangan menrangkumi perkara-perkara berikut:

- Perancangan Audit Kewangan.
- Perancangan Perolehan.
- Rekod Inventori.
- Laporan Audit.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan audit.
- Memo audit
- Perancangan audit

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Perolehan & Kewangan (UPK)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	2 kali setahun
Sasaran Berkaitan	i. APACC 2 (C1)
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 2: Memantapkan Governan Yang Responsif & Mampan

- Objektif Strategik 2: Memperkukuh pengurusan kewangan dengan cekap, berhemat dan mampan
- Inisiatif B1: Mencapai Matlamat Organisasi yang Digariskan Melalui Keberkesanan Kos.
- Inisiatif B2: Mengurus Kewangan Secara Cekap dengan Mematuhi Peraturan dan Prosedur.

TREN PENCAPAIAN



KPI-AP 3

Peratus mengemaskini maklumat CV pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI menasaskan *Curriculum Vitae* (CV) setiap staf sentiasa dikemaskini.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus staf mengemaskini CV:

$$\frac{\text{Bilangan CV yang dikemaskini}}{\text{Bilangan staf pada tahun semasa}} \times 100$$

DOKUMEN BUKTI

- Senarai semak CV.

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 3: Memperkaya Bakat

- Objektif Strategik 1: Melahirkan tenaga pengajar yang efektif melalui pembangunan bakat yang komprehensif
- Inisatif A1: Program Pengkayaan Pengalaman di Industri
- Inisatif A2: Melaksanakan Program Pembangunan Kepimpinan Terkini
- Inisatif A3: Melaksanakan Program Pemantapan Perkembangan Profesional Pengajaran dan Pembelajaran 4.0.

MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Akreditasi Akademik
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	100%
Sasaran Berkaitan	i. APACC 3 (C5)
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

KPI-AP 4

Menjana pendapatan dengan merancang dan menjalankan program-program TSP.

TAFSIRAN

Menjana pendapatan dengan merancang dan menjalankan program-program TSP.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus penjaan pendapatan melalui TSP:

$$\frac{\text{Jumlah pendapatan yang diperolehi pada tahun semasa}}{\text{Kos projek pada tahun semasa}} \times 100$$

DOKUMEN BUKTI

- Laporan penjaan pendapatan TSP.

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL)
Pengukuran	Jumlah pendapatan TSP dalam Ringgit Malaysia (RM)
Sasaran PUO	RM 20,000.00
Sasaran Berkaitan	i. APACC 4 (C5)
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategi 4: Menerajui Sistem Pendidikan Melalui Tvet 4.0

- Objektif Strategik 3: Memperluas akses
- Inisiatif C1: Mempelbagaikan laluan kepada program TVET.

TREN PENCAPAIAN



KPI-AP 7

Peratus pelaksanaan program *outreach*/ pelan khidmat masyarakat (CSR) pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI menasaskan bilangan program/aktiviti pelan khidmat masyarakat di peringkat jabatan/institusi. Program/aktiviti CSR ini perlulah disertai dikalangan staf akademik dan bukan akademik.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran bagi KPI ini adalah berdasarkan bilangan laporan aktiviti program *outreach* pada tahun semasa.

Program/aktiviti yang menggabungkan lebih daripada 1 jabatan/unit akan dikira sebagai 1 program sahaja di peringkat PUO.

DOKUMEN BUKTI

- Kertas kerja.
- Laporan aktiviti.
- Penilaian keberkesanan program.

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Penyelaras YESS
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	29
Sasaran Berkaitan	i. APACC 7 (C5)
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 5: Memperkukuh Kolaborasi Industri

- Objektif Strategik 2: Memperkasa komuniti pintar
- Inisiatif B1: Membangunkan Komuniti Pintar.

TREN PENCAPAIAN



KPI-AP 9

Peratus kakitangan akademik dan bukan akademik yang mendapat latihan dalam bidang ICT pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI ini menyasarkan peratus penglibatan kakitangan akademik dan bukan akademik dalam bidang ICT serta kemahiran 4IR dalam tahun semasa.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus staf yang mendapat latihan dalam bidang ICT:

$$\frac{\text{Bilangan staf yang mengikuti latihan ICT pada tahun semasa}}{\text{Jumlah staf pada tahun semasa}} \times 100$$

DOKUMEN BUKTI

- Senarai kehadiran kursus/bengkel.
- Laporan keberkesanan kursus/bengkel.
- Resume kakitangan akademik dan bukan akademik.
- Laporan penilaian pelajar.

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	85%
Sasaran Berkaitan	i. APACC 9 (C6)
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 3: Memperkaya Bakat

- Objektif Strategik 1: Melahirkan tenaga pengajar yang efektif melalui pembangunan bakat yang komprehensif
- Inisiatif A1: Program Pengkayaan Pengalaman di Industri
- Inisiatif A2: Melaksanakan Program Pembangunan Kepimpinan Terkini
- Inisiatif A3: Melaksanakan Program Pemantapan Perkembangan Profesional Pengajaran dan Pembelajaran 4.0

TREN PENCAPAIAN



KPI-AP 11

Peratus penglibatan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama pihak pengurusan tertinggi

TAFSIRAN

KPI ini menasaskan penglibatan pelajar dalam membuat keputusan bersama Pengurusan tertinggi.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus penglibatan pelajar di dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi:

$$\frac{\text{Bilangan ahli MPP yang menghadiri mesyuarat bersama Pengurusan Tertinggi}}{\text{Jumlah ahli mesyuarat}} \times 100$$

DOKUMEN BUKTI

- Senarai kehadiran mesyuarat.
- Minit mesyuarat.

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	11%
Sasaran Berkaitan	i. APACC 11 (C7)
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 1: Memastikan Graduan Tvet Berkualiti

- Objektif Strategik 3: Membangunkan graduan TVET berciri warga global.
- Inisiatif C: Mempromosi dan membudayakan kewarganegaraan global.

TREN PENCAPAIAN



KPI-ISO 1

Peratus pelaporan pengurusan risiko pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI menasaskan setiap jabatan dan unit:

- Menyediakan sekurang-kurangnya 1 dokumen pelan pengurusan risiko seperti yang dinyatakan dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) PUO.
- Membuat penilaian terhadap pelan pengurusan risiko.
- Melaksanakan penambahbaikan terhadap pelan pengurusan risiko.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran bagi KPI ini adalah berdasarkan bilangan dokumen Pelan Pengurusan Risiko pada tahun semasa.

DOKUMEN BUKTI

- Dokumen Pelan Pengurusan Risiko.
- Lampiran bukti sokongan.

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Penyelaras Pengurusan Risiko
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	29
Sasaran Berkaitan	i. MS ISO 1
Frekuensi Laporan / Data	Satu kali setahun (Julai)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 2: Memantapkan Governan Yang Responsif & Mampan.

- Objektif Strategik 1: Memperkasa institusi TVET berpacuan 4IR.
- Inisiatif A6: Mewujudkan Persekitaran Kondusif melalui Budaya Kerja yang Positif.

TREN PENCAPAIAN



KPI-ISO 2

Peratus staf berkursus lima (5) hari pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI menasaskan setiap staf menghadiri kursus / menjalani latihan / seminar / bengkel / persidangan / konvensyen / taklimat sekurang-kurangnya 40 jam atau 5 hari setahun.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus staf berkursus 5 hari pada tahun semasa:

$$\frac{\text{Jumlah staf berkursus 5 hari dan ke atas pada tahun semasa}}{\text{Jumlah keseluruhan staf di jabatan dan unit pada tahun semasa}} \times 100$$

DOKUMEN BUKTI

- Laporan hari berkursus staf.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	100%
Sasaran Berkaitan	i. MS ISO 2
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

- Berdasarkan kepada Teras Strategik 3: Memperkaya Bakat
 - Objektif Strategik 1: Melahirkan tenaga pengajar yang efektif melalui pembangunan bakat yang komprehensif
 - Inisiatif A1: Program Pengkayaan Pengalaman di Industri
 - Inisiatif A2: Melaksanakan Program Pembangunan Kepimpinan Terkini
 - Inisiatif A3: Melaksanakan Program Pemantapan Perkembangan Profesional Pengajaran dan Pembelajaran 4.0
- Sasaran Objektif Kualiti Politeknik Ungku Omar: Kecemerlangan Staf.

TREN PENCAPAIAN



KPI-ISO 5

Peratus skor sekurang-kurangnya 3.8 Tahap Kepuasan Majikan Terhadap Graduan Yang Bekerja melalui pelaporan PEO.

TAFSIRAN

KPI ini menilai tahap kepuasan majikan terhadap graduan Politeknik dan Kolej Komuniti dari segi:

- Kepuasan terhadap kemahiran graduan.
- Kepuasan terhadap pengetahuan graduan.
- Kepuasan terhadap kemahiran insaniah graduan.

KAEDAH PENGUKURAN

Data diperolehi melalui dapatan kajiselidik yang dilakukan terhadap majikan graduan politeknik dan Kolej Komuniti. Pengukuran adalah mengikut skor berikut:

Julat Skor Min	Tafsiran Tahap
1.00 – 1.50	Sangat Rendah
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.50	Tinggi
4.51 – 5.00	Sangat tinggi

DOKUMEN BUKTI

- Laporan dapatan kaji selidik.
- Laporan PEO.

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Pusat Korporat, Hubungan Industri dan Kebolehpasaran (CISEC)
Pengukuran	Julat Skor Minimum
Sasaran PUO	3.8
Sasaran Berkaitan	i. MS ISO 5 ii. Pelan Strategik 4
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 1: Memastikan Graduan TVET Berkualiti

- Objektif Strategik 1: Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi.
- Inisiatif A1: Melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan yang Berimpak Tinggi.

TREN PENCAPAIAN



KPI-PS 3

Peratus pelajar tamat dalam tempoh(GOT).

TAFSIRAN

KPI ini menyasarkan pengumpulan data bagi mengukur peratusan pelajar yang tamat dalam tempoh reka bentuk sesebuah program.

Program pengajian yang diambil kira adalah program formal (**sepanjang masa**):

KAEDAH PENGUKURAN

Pengukuran menghitung peratus GOT:

$$\frac{\text{Bilangan pelajarambilan 2020 yang tamat pada tahun 2023}}{(\text{Bilangan pelajarambilan tahun 2020}) - (\text{Bilangan keciciran dari tahun 2020})} \times 100$$

Bilangan keciciran adalah pelajar yang bertukar ke institusi lain, atau mohon berhenti pengajian atas pelbagai sebab (contohnya bekerja dan sebagainya), atau meninggal dunia (lain-lain) atau mendapat status Gagal dan di Berhentikan (GB).

DOKUMEN BUKTI

- Jadual Pengiraan GOT.
- Senarai Lulusan

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Penilaian & Peperiksaan (UPEP)
Pengukuran	Peratus (%)
Sasaran PUO	81%
Sasaran Berkaitan	i. Pelan Strategik 3
Frekuensi Laporan / Data	Satu kali setahun (November)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 1: Memastikan Graduan TVET Berkualiti

- Objektif Strategik 1: Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi.
- Inisiatif A1: Melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan yang Berimpak Tinggi.

TREN PENCAPAIAN



KPI-PS 7

Bilangan pelajar yang mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

TAFSIRAN

1. Peringkat kejayaan atau penyertaan pelajar:
 - i. Negeri/Zon/Kebangsaan/Antarabangsa
 - ii. Anjuran Kementerian, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta atau NGO (*Non-Government Organization*)
 - iii. Anjuran JPPKK/Politeknik/Kolej Komuniti:
 - a) Mencapai kejayaan dalam kategori terbuka (pertandingan yang disertai juga oleh peserta atau pelajar IPTA/IPTS/luar negara yang lain).
 - b) Pertandingan yang disertai merupakan platform pemilihan kepada pertandingan ke peringkat yang lebih tinggi bagi mewakili Politeknik Malaysia, Kolej Komuniti Malaysia dan Malaysia.
2. Kemenangan, kecemerlangan atau anugerah dalam apa-apa program / acara / pertandingan / kejohanan / majlis dengan memperoleh:
 - i. Pingat emas/perak/gangsa; atau
 - ii. Johan/naib johan; atau
 - iii. Tempat pertama/kedua/ketiga; atau
 - iv. Diploma; atau
 - v. Medallion for Excellence; atau
 - vi. Pingat Sanjungan; atau
 - vii. Anugerah Khas (Contoh: Olahragawan/Olahragawati/Tangan Emas/setara)

3. Kejayaan syarikat, perusahaan, inovasi atau projek perniagaan pelajar yang mendapat pembiayaan dalam pembangunan produk, inkubator, pemasaran, pemodal awal dan pemodal teroka.
4. Mewakili Malaysia dalam mana-mana program / acara / pertandingan / kejohanan / majlis peringkat antarabangsa.
5. Bilangan pelajar:
 - i. **Kategori individu** - Seorang pelajar bagi satu kemenangan atau anugerah.
 - ii. **Kategori berkumpulan** - Setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan.

Contoh: Satu kumpulan pelajar yang terdiri daripada tiga orang pelajar memenangi tempat pertama dalam satu pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan, maka bilangan pelajar yang mencapai kejayaan adalah tiga orang.

6. Kejayaan seorang pelajar diambil kira yang tertinggi sahaja dalam kategori atau bidang yang sama dalam pelbagai peringkat bagi tahun semasa. Contoh: Pelajar tersebut telah memenangi peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili negara, maka yang diambil kira adalah mewakili negara.

Kemenangan atau kejayaan pelajar atas inisiatif sendiri dalam menyertai sebarang jenis program/ acara/pertandingan/kejohanan/majlis peringkat

kebangsaan atau antarabangsa akan diambil kira sekiranya memberi impak menaikkan imej KPT/JPPKK/Politeknik/Kolej Komuniti.

KAEDAH PENGUKURAN

Bilangan pelajar:

- Kategori individu - Seorang pelajar bagi satu kemenangan atau anugerah.
- Kategori berkumpulan - Setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan.

Contoh: Satu kumpulan pelajar yang terdiri daripada tiga orang pelajar memenangi tempat pertama dalam satu pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan, maka bilangan pelajar yang mencapai kejayaan adalah tiga orang.

DOKUMEN BUKTI

- Laporan Program/Aktiviti.

MAKLUMAT UTAMA


Pemilik Proses Utama	- Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) - Ketua Jabatan Sukan Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK)
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	JHEP: 20 JSKK: 20
Sasaran Berkaitan	Pelan Strategik 7
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 1: Memastikan Graduan TVET Berkualiti

- Objektif Strategik 1: Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi.
- Inisiatif A1: Melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan yang Berimpak Tinggi.

TREN PENCAPAIAN



KPI-PS 14

Purata skor sekurang-kurangnya 3.8 tahap *Percentage Staff Satisfaction Index* pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI ini menilai tahap kepuasan staf bagi mengamalkan budaya kerja yang positif. Faktor yang dinilai dalam tahap kepuasan staf adalah:

- Keadaan kerja.
- Kepimpinan dan pengurusan.
- Peningkatan kerjaya.
- Pengiktirafan
- Rakan sekerja
- Kemudahan

KAEDAH PENGUKURAN

Data diperolehi melalui dapatan kaji selidik yang dilakukan terhadap staf politeknik. Pengukuran adalah mengikut skor berikut:

Julat Skor Min	Tafsiran Tahap
1.00 – 1.50	Sangat Rendah
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.50	Tinggi
4.51 – 5.00	Sangat tinggi

DOKUMEN BUKTI

- Laporan tahap kepuasan staf pada tahun semasa.

MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Unit Pusat Korporat, Hubungan Industri dan Kebolehpasaran (CISEC)
Pengukuran	Julat Skor Minimum
Sasaran PUO	3.8
Sasaran Berkaitan	i. Pelan Strategik 14
Frekuensi Laporan / Data	Satu kali setahun (Julai)

JUSTIFIKASI

Berdasarkan kepada Teras Strategik 2: Memantapkan Governan Yang Responsif dan Mampan.

- Objektif Strategik 1: Memperkasa Institusi Berpacuan 4IR.
- Inisiatif A6: Mewujudkan persekitaran kondusif melalui budaya kerja yang positif.

TREN PENCAPAIAN



/*

KPI-PS 23

Bilangan industri WBL pada tahun semasa.

TAFSIRAN

KPI ini merujuk kepada aktiviti usahasama yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan industri / agensi luar melalui program *Work Based Learning* (WBL).

KAEDAH PENGUKURAN

Bilangan industri yang bekerjasama dalam program WBL beserta dokumen pelaporan.

DOKUMEN BUKTI

- Sijil Kolaborasi(NOC).
- Nota Kolaborasi(COC).

MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Ketua Penyelaras WBL
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	10
Sasaran Berkaitan	i. Pelan Strategik 23
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Penetapan Teras Strategi 4: Menerajui Sistem Pendidikan Melalui TVET 4.0

- Objektif Strategik 2: Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian.
- Inisiatif B1: Melaksanakan Pembelajaran Secara Authentic & Immersive di Industri.

KPI-PS 32

Pelaksanaan program atau aktiviti yang melibatkan alumni.

TAFSIRAN

- i. Alumni adalah merujuk kepada bekas pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di PUO.
- ii. Penglibatan sumbangan dari alumni yang juga adalah merupakan ahli Persatuan Alumni Politeknik berdaftar dalam aktiviti/program kembali secara alma mater kepada pelajar, institusi dan komuniti.
- iii. Program merujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan oleh alumni bersama Persatuan Alumni yang melibatkan pelajar institusi dan pihak Jabatan/Politeknik.
- iv. Aktiviti merujuk kepada penglibatan alumni bersama Persatuan Alumni Berdaftar dalam penganjuran/pengelolaan/penyertaan serta apa-apa sumbangan (alma mater) kepada Politeknik yang memberi kesan impak tinggi terutama kepada pelajar, institusi mahu pun komuniti mengikut kategori kluster.
- v. Kategori kluster program merujuk kepada:
 - a) Kluster myAlumni Sport
 - b) Kluster myAlumni TVET Academic
 - c) Kluster myAlumni Lestari
 - d) Kluster myAlumni Prihatin
 - e) Kluster myAlumni: Hari Bersama Persatuan
- vi. Sumbangan alma mater bermaksud sumbangan semula kepada institusi yang pernah menjadi tempat belajar seseorang dari aspek; pembangunan kemahiran seperti kewujudan peluang pekerjaan,

khidmat panel penasihat, latihan, kebajikan, kerohanian, motivasi kaunseling (mentor mentee) dan membantu promosiambilan pelajar serta dana sumbangan (endowment). Ia juga bagi menyokong peningkatan kebolehpasaran pelajar melalui data dan ikon alumni.

- vii. Setiap aktiviti ini perlu mempunyai laporan aktiviti dan hasil kajian keberkesanan.

KAEDAH PENGUKURAN

Bilangan program/aktiviti yang dianjurkan bersama alumni berdasarkan kluster program yang dinyatakan dalam Tafsiran.

DOKUMEN BUKTI

Laporan penuh program/aktiviti berserta laporan keberkesanan program yang mengandungi:

- i. Tangkapan skrin/*screenshot* berkenaan penganjuran program/aktiviti melalui:
 - Media sosial rasmi Politeknik/Kolej Komuniti; atau
 - Media cetak/media sosial rasmi Persatuan Alumni Institusi
- ii. Dan salah satu daripada berikut:
 - Salinan Sijil Penghargaan kepada Alumni/Persatuan Alumni yang terlibat; atau

- Salinan Surat Jemputan kepada Alumni/Persatuan Alumni terlibat.


MAKLUMAT UTAMA

Pemilik Proses Utama	Penyelaras Alumni
Pengukuran	Bilangan
Sasaran PUO	6
Sasaran Berkaitan	i. Pelan Strategik 23
Frekuensi Laporan / Data	Dua kali setahun (Jun & November)

JUSTIFIKASI

Jumlah program/aktiviti ini adalah berdasarkan kepada kekuatan perhubungan alumni Bersama pemerkasaan Persatuan Alumni berdaftar di institusi serta penambahan jumlah bilangan graduan (alumni) setiap tahun bagi melaksanakan program/aktiviti secara sumbangan semula (alma mater) kembali ke institusi mengikut kluster yang ditetapkan.

TREN PENCAPAIAN



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Dr Shamsuri bin Abdullah

PENASIHAT

Ts. Dr. Izwah binti Ismail

PENGERUSI

Yong Rashidah binti Mat Tuselim @ Selamat

KETUA PROJEK

Mohd Khairul Nizam bin Abdullah Sani

PASUKAN EDITORIAL

Dr. Mohd Nor Azam bin Mohd Dali

Nurainah binti Abu Bakar

Mohd Khairul Nizam bin Abdullah Sani

Puteri Roshdah binti Megat Ibnu Rashad

Nor Hasliza binti Mohd Fadzil



KAMUS KPI PUO 2023

e ISBN 978-967-2421-90-0



POLITEKNIK UNGKU OMAR